

RM200,000 naik taraf dewan

Projek baik pulih Dewan Orang Ramai Taman Seri Putra bakal siap Januari depan

BANTING - Kerja-kerja naik taraf Dewan Orang Ramai Taman Seri Putra bakal siap sepenuhnya akhir Januari tahun hadapan.

Adun Morib, Hasnul Baharudin berkata, selepas hampir dua tahun kerosakan dewan itu tidak dibaiki, peruntukan sebanyak RM200,000 digunakan bagi membantu penduduk memanfaatkan kemudahan berkenaan.

"Kita peruntukkan wang untuk projek baik pulih termasuk masalah bumbung yang bocor dan keretakan bangunan bagi memberi keselesaan kepada pengguna.

"Saya akui hampir dua tahun dewan itu tak dapat digunakan malah penduduk yang mahu menyewa dewan untuk mengadakan majlis perkahwinan terpaksa mencari dewan lain akibat kerosakan dewan itu,"



HASNUL

katanya yang memaklumkan kerja-kerja akhir sedang dilakukan buat masa ini.

Hasnul berkata, sepanjang dua tahun itu juga, kebanyakan penduduk mula bimbang kerana pelbagai aktiviti yang dirancang tidak dapat diadakan di dewan berkenaan.

Katanya, beliau akan memastikan pada tahun hadapan dewan berkenaan boleh



Dewan Orang Ramai Taman Seri Putra yang kembali ceria bakal boleh digunakan sepenuhnya selewat-lewatnya Januari depan.

digunakan.

"Saya anggap dalam masa dua tahun ini juga pembaziran berlaku disebabkan tak ada sebarang aktiviti boleh diadakan.

"Tapi dengan adanya projek baik pulih ini, pelbagai aktiviti dapat dianjurkan semula di de-

wan berkenaan termasuk majlis kenduri, riadah seperti bermain badminton sepak takraw dan aktiviti kemasyarakatan," katanya.

Sebelum ini, penduduk pernah menyuarakan hasrat untuk melihat satu-satunya dewan yang besar di taman ber-

knaan dibaiki selepas pelbagai kerosakan berlaku.

Namun selepas Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib menerima maklumat dan permohonan daripada beberapa pihak, wakil rakyat terbabit segera meluluskan peruntukan.